



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 Oktober 2020**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ikan kelah gua batu kapur beri pulangan lumayan</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jadi nelayan sementara tunggu tunggakan gaji</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maritim rampas 1.3 tan ikan, tahan tiga nelayan tempatan</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		12	21/10/2020

## Ikan kelah gua batu kapur beri pulangan lumayan

WAM M 15.12 21/10/2020

**GU A MUSANG:** Kegiatan menernak ikan biasanya dilakukan di dalam kolam, namun berlainan bagi seorang peternak di Kampung Lepan Jaya di sini apabila menjadikan gua batu kapur sebagai tempat menernak 5,000 ekor ikan kelah.

Usaha menternak ikan kelah di dalam Gua Kambing itu dilakukan Mohd. Saiful Basri Mat Yaacob, 44, sejak sembilan tahun lalu.

Katanya, hasil menternak ikan di luar kebiasaan sejak 2011 itu mampu memberi pulangan lumayan walaupun berdepan banyak risiko untuk menguruskannya.

Katanya, idea unik berkenaan menjadikan kawasan itu sebagai tempat tarikan orang ramai untuk melihat spesies ikan kelah yang berada di dalam gua.

"Usaha membina tempat pembibitan ikan kelah itu ada-



MOHD. SAIFUL BASRI MAT YAACOB (kiri) menternak 5,000 ekor ikan kelah di gua batu kapur, Gua Kambing di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang, Kelantan.

Jah perkara yang mencabar ditambah dengan inisiatif mencantikkan kawasan luar gua berkenaan.

"Bagaimanapun usaha men-

ternak ikan kelah di dalam gua itu perlu dibuat bagi mengelak terus pupus," katanya di sini semalam.

Mohd. Saiful Basri berkata,

ikan di dalam dan di kaki gua yang berada dalam kawasan tanah miliknya seluas 0.8 hektar.

"Saya menternak 5,000 ekor kelah dan 4,000 ikan jenis lain termasuk tilapia dan patin kerana permintaan tinggi daripada pembeli tempatan serta luar daerah ini."

"Terdapat ikan kelah yang diternak sejak lapan tahun lalu hingga mencapai berat antara lima hingga sembilan kilogram seekor," katanya.

Tambah Mohd. Saiful Basri, dia berasa sayang untuk menjual sebahagian ikan kelah berkenaan walaupun ada permintaan harga yang tinggi kerana ingin menjadikannya sebagai tarikan kepada pengunjung.

Katanya, kebanyakan pengunjung berminat dengan ikan kelah bersaiz besar kerana mereka jarang melihatnya sejak kebelakangan ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		47	21/10/2020

HM M/S 47 21/10/2020

## Jadi nelayan sementara tunggu tunggakan gaji

**Kuala Lumpur:** Jika dulu dia sering menjadi pilihan utama dalam kesebelasan pasukan di samping turut dipanggil menyarung jersi kebangsaan, kini segala-galanya berubah apabila bekas pemain Angkatan Tentera Malaysia (ATM) itu bergelar nelayan.

Keputusan mengubah kerjaya itu diambil bagi meneruskan

kehidupannya selepas lima tahun menunggu tunggakan gaji yang sangkut sejak 2015 lalu.

Ibarat menunggu buah tak gugur, pemain berbakat yang enggan namanya didedah itu mahu tunggakan gaji segera dijelaskan sepenuhnya oleh bekas majikannya ATM.

Katanya, dia turut hairan bagaimana Persatuan Bolasepak

Malaysia (FAM) boleh meluluskan proses penswastaan pasukan ATM yang kini dijenamakan sebagai Armed Forces.

Jelasnya, ATM sebelum ini berdepan tunggakan gaji membabitkan 15 pemain berjumlah keseluruhan RM3.7 juta dan berdasarkan perjanjian bersama Persatuan Pemain Bolasepak Profesional

(PFAM), ATM perlu membayar secara ansuran kepada PFAM untuk diagihkan kepada pemain.

Bagaimanapun, daripada 15 pemain itu, hanya tinggal empat lagi pemain termasuk dirinya yang masih belum menerima bayaran membabitkan nilai keseluruhan RM280,000.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
<b>KATEGORI LIPUTAN:</b> POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			2	21/01/2020



SEBAHAGIAN ikan yang dirampas APMM sebelum penahanan tiga nelayan di perairan Pulau Pinang semalam.

KOSMO M/S 2 21/01/2020

## Maritim rampas 1.3 tan ikan, tahan tiga nelayan tempatan

**GEORGE TOWN** – Hajat tiga nelayan tempatan untuk mengambil keuntungan lumayan dengan memangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan tidak kesempalan selepas mereka ditahan Maritim Malaysia (APMM) di kedudukan 1.6 batu nautika Barat Daya Tanjung Chut di sini semalam.

Nelayan yang terdiri daripada seorang tekong bot bersama dua awak awak yang masing-masing berusia 48, 52 dan 56 tahun itu ditahan dalam Ops Pertwi/Ops Benteng di sekitar perairan Pulau Pinang kira-kira pukul 8.50 pagi.

Pengarah Maritim Negeri,

Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, semasa operasi dijalankan kesemua nelayan terabit berada di atas bot berkenaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut, mereka disyaki tetapi melukutkuhan kesalahan di bawah Seksyen 6(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen laju itu melakukan aktiviti memangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan."

"Dalam operasi tersebut, kita turut menyita 1,300 kilogram ikan pelbagai jenis, enam tong ikan, bot dan satu oukar tunda," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, tekong dan

dua awak-awak kemudiannya dicerca ke Jeti Pasukan Polis Marin di Batu Gulan untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tinjukran lanjut.

Tegasnya, pihak berkuasa tidak akan berkompromi dengan mana-mana purak yang melanggar undang-undang perairan negara.

Justeru beliau berkata, orang ramai diminta untuk memberi kerjasama sekranya terdapat sebarang aduan atau kecemasan di laut melalui talian 24 Jam iaitu MERS 999 atau hubungi Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang: 04-2626146 atau 04-2643650.